

KOKURIKULUM DAN SAHSIAH PELAJAR: PERANAN DAN HUBUNGAN ANTARA KEDUANYA

THE CO-CURRICULAR AND STUDENTS: THEIR ROLES AND RELATIONSHIP

Wardatul Aishah Musa¹
Nooraini Othman²
Yuniza Abdul Latif³
Siti Shariyah Shaari⁴
Wan Nor Hana Wan Ismail⁵
Siti Fadhillah Ismail⁶

^{1,3,4,5,6}Universiti Kuala Lumpur, ¹wardatulaishah@unikl.edu.my

²Universiti Teknologi Malaysia

Accepted date: 22 July 2018

Published date: 23 September 2018

To cite this document: Musa, W. A., Othman, N., Latif, Y. A., Shaari, S. S., Ismail, W. N. H. W., & Ismail, S. F. (2018). Kokurikulum Dan Sahsiaah Pelajar: Peranan Dan Hubungan Antara Keduanya. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(18), 18-27.

Abstrak: Artikel ini membincangkan mengenai peranan kokurikulum sebagai mediator antara kesedaran sendiri dan sahsiah pelajar. Artikel ini turut membincangkan mengenai hubungan antara kesedaran sendiri dan sahsiah pelajar dari aspek berfikiran positif, cekap peribadi dan cergas fizikal. Artikel turut membincangkan berkaitan dengan lapan prinsip utama dalam kursus kokurikulum yang telah dikenalpasti oleh Kementerian Pengajian Tinggi Pelajar. Data dianalisis menggunakan kaedah Model Persamaan Struktural atau Structural Equation Modelling (SEM). Dapatan kajian menunjukkan adanya hubungan yang signifikan antara kesedaran sendiri dan sahsiah pelajar serta kokurikulum bersifat mediator antara kesedaran sendiri dan sahsiah pelajar.

Kata Kunci: : Kokurikulum, Kesedaran Kendiri, Sahsiaah Pelajar

Abstract : This article discusses the role of the co-curricular as a mediator between students' self-awareness and personalities. This article also discusses the relationship between self-awareness and the personalities of students from the aspects of positive thinking, personal efficiency and physical fitness. The article also discusses the eight key principles of the co-curricular course which have been identified by the Ministry of Higher Education. Analysis of data is conducted using the Structural Equation Modeling (SEM) method. The findings indicate a significant relationship between self-awareness and the personalities of the students and the co-curricular as a mediator between students' self-awareness and personalities.

Keywords: The co-curricular, Self - Awareness, Student s' Personalities

Pendahuluan

Kokurikulum ialah pembelajaran yang dilakukan selepas waktu persekolahan. Aktiviti kokurikulum juga lazimnya dilakukan selepas waktu pembelajaran formal. Setiap aktiviti yang dilakukan melibatkan aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Ketiga-tiga aspek tersebut membolehkan pelajar yang dihasilkan akan mencakupi aspek-aspek penting dalam pembinaan pelajar pelajar yang bersifat holistik. Penekanan kepada melahirkan pelajar yang mempunyai 'minda kelas pertama' juga adalah merupakan hasrat kerajaan sejajar dengan agenda utama negara dalam Rancangan Malaysia ke-9 (RMK 9, 2006). Justeru, dalam mencapai hasrat kerajaan ini, pelbagai usaha dan penambahbaikan dalam sistem pendidikan negara untuk melahirkan pelajar yang berketerampilan dipergiatkan. Salah satunya ialah melalui kegiatan kokurikulum.

Pernyataan Masalah

Pada masa kini, tuntutan dalam bidang pekerjaan adalah kepada pelajar yang tidak hanya memiliki ilmu pengetahuan bahkan harus juga mempunyai keterampilan dan kewibawaan diri yang tinggi. Pelajar masa kini, dituntut untuk menguasai pelbagai kemahiran dan mempunyai personaliti yang baik. Penguasaan kemahiran yang tinggi dan personaliti yang baik membolehkan pelajar mempunyai daya tahan yang tinggi, bijak menyesuaikan diri mengikut keperluan serta mampu mengurus tekanan dengan baik. Pelajar yang mempunyai daya tahan dan sahsiah yang tinggi akan dapat menyesuaikan diri dengan sebarang tekanan. Pelajar sebegini akan mampu menguasai persekitaran dan bijak dalam membuat keputusan. Perkara ini akan menjadi mudah apabila mereka melangkah ke alam pekerjaan. Situasi ini akan menyebabkan produktiviti dan kualiti kerja pelajar meningkat dengan baik dan mampu berdaya saing diperingkat antarabangsa (Azali Mohamed, 2007).

Selain itu, aktiviti kokurikulum menyumbang kepada pembentukan sahsiah yang baik dalam diri pelajar. Pelajar yang terlibat dengan aktiviti kokurikulum akan lebih berpotensi untuk mengasah dan mengembangkan bakat serta meningkatkan kemahiran insaniah mereka. Chin *et al.*, (2005) menyokong pernyataan yang menyatakan kokurikulum mampu memberi impak yang positif kepada pelajar. Oleh itu, penglibatan aktiviti kokurikulum kepada pelajar adalah penting untuk manfaat dan kebaikan diri mereka bagi membina persekitaran yang baik.

Kesinambungan penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti kokurikulum membolehkan mereka menghubungkan ilmu yang diperolehi secara formal di dalam kelas kepada praktikaliti dan tindakan yang boleh disesuaikan mengikut keadaan semasa. Negara juga turut memerlukan belia yang mempunyai mempunyai sendiri positif. Hal ini penting dalam memacu pembangunan dan menjamin kelangsungan negara. Kendiri positif mampu melahirkan belia yang seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi dan intelektual.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara kesedaran sendiri dan sahsiah pelajar iaitu dari aspek berfikiran positif, cekap peribadi dan cergas fizikal. Selain tu, objektif kajian ini juga adalah untuk mengkaji peranan kokurikulum sebagai mediator antara kesedaran sendiri dan sahsiah pelajar.

Skop Kajian

Kajian ini telah dijalankan ke atas 800 pelajar institusi pengajian tinggi yang melibatkan dua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan dua Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Had umur pelajar yang dijadikan sampel dalam kajian ini pula adalah antara 18 hingga 24 tahun serta

masih menuntut di institusi pengajian tinggi masing-masing. Skop sahsiah yang dikaji ialah dari aspek berfikiran positif, cekap peribadi dan cergas fizikal.

Literatur Kajian

Terdapat Lapan prinsip utama di dalam kursus kokurikulum yang telah dikenalpasti oleh Kementerian Pengajian Tinggi (Jamaludin *et al.*, 2009).) iaitu kebudayaan, sukan, daya usaha dan inovasi, pengucapan awam, kesukarelawanan, keusahawanan, khidmat komuniti, dan kepimpinan.

Kebudayaan ialah aktiviti yang melibatkan dan memberi peluang kepada pelajar untuk menguasai bidang kesenian yang akan membina jati diri, perwatakan dan keperibadian yang dibina dalam diri pelajar secara tidak langsung. Dengan penguasaan kemahiran ini membolehkan mereka menjadi seorang yang pakar dalam bidang kesenian dan kebudayaan. Perkembangan ini secara tidak langsung membantu negara dalam mempromosikan kesenian dan kebudayaan warisan bangsa. Secara tidak langsung, pelajar yang terlibat akan lebih memahami budaya setempat dan masyarakat agar sifat hormat menghormati antara satu sama lain dapat di pupuk dan diperkukuhkan di dalam diri mereka

Sukan merupakan aktiviti kokurikulum yang melibatkan pergerakan fizikal seperti sukan tenis, bola baling, futsal, bola tampar, bola sepak, bola jaring dan sebagainya. Aktiviti kokurikulum merupakan pendidikan yang tidak diajar didalam kelas. Aktiviti sukan boleh dibahagikan kepada skala kecil dan skala besar iaitu penglibatan secara individu dan berkumpulan. Penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan boleh dipertingkatkan seiring dengan kelayakan mereka dalam sukan yang diceburi sehingga ke peringkat antarabangsa. Pendidikan kokurikulum merupakan pendidikan bersifat rohani, kepimpinan, kerjasama, berpasukan dan keyakinan diri (Mohd Saofiean Bachok, 2013). Selain memupuk gaya hidup yang sihat, aktiviti sukan juga berupaya membina kemahiran komunikasi dan akan membantu pelajar dalam dunia kerjaya kelak. Pengalaman melalui kegiatan sukan mendedahkan pelajar tentang cabaran alam pekerjaan yang sebenar. Tambahan lagi, penglibatan aktif dalam sukan berupaya meningkatkan tahap berdikari dan keyakinan diri serta dapat mengurangkan perasaan negatif seperti tekanan perasaan, kecelaruan dan kerungsingan (Mahoney, 2005)

Daya usaha dan inovasi melibatkan kerja keras bagi memenuhi keperluan masyarakat masa kini. Namun, daya kreativiti dan inovasi masih belum sinonim dengan budaya masyarakat setempat. Justeru, usaha ini harus dibina dan dibentuk dalam kalangan pelajar agar pembudayaan kreativiti dan inovasi ini dapat diimplimentasikan. Daya usaha dan inovasi akan menjadikan pelajar yang terlibat untuk aktif mencari idea yang baru dan relevan untuk dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Pengucapan awam adalah satu gabungan antara elemen sains kemanusiaan dan kesenian yang diterjemahkan dalam bentuk komunikasi yang berkesan dan menarik perhatian (Jamaludin *et al.*, 2011). Penguasaan komunikasi yang baik penting dalam setiap organisasi agar tugas yang diberikan dapat dijalankan dengan baik selain membantu mempercepatkan tindakan yang di ambil. Selain itu, kelebihan komunikasi yang berkesan mampu melonjakkan reputasi dan kredibiliti individu serta dapat meningkatkan personaliti dan karisma diri seseorang. Kelebihan memiliki kemahiran pengucapan awam juga sebagai nilai tambah kepada seseorang individu dan akan dipandang sebagai pembentang hebat. Selain mesej dapat disampaikan dengan yakin dan jelas, ia juga akan menarik minat audiens untuk terus kekal mendengar ucapan.

Kesukarelawan merupakan penglibatan pelajar dalam sesuatu aktiviti tanpa elemen paksaan. Pembudayaan kesukarelawan penting untuk dibudayakan agar keharmonian dan kualiti masyarakat dipertingkatkan. Namun, untuk membentuk pelajar melakukan sesuatu pekerjaan tanpa paksa adalah tidak mudah. Walaubagaimanapun, budaya ini boleh dipupuk dan dilatih dari kecil melakukan sesuatu pekerjaan tanpa disuruh. Rutin ini akan menjadikan pembudayaan kesukarelawan ini menjadi lebih mudah. Kesukarelawan menjadikan pelajar lebih bertanggungjawab dan mempunyai nilai murni yang tinggi kerana konsep upah tidak menjadi keutamaan.

Aktiviti keusahawanan ialah aktiviti yang membudayakan pelajar untuk menjadikan perniagaan sebagai satu pekerjaan. Walaupun begitu, aktiviti keusahawanan kurang mendapat tempat dan minat dalam kalangan pelajar. Pelbagai aktiviti dilakukan bagi menyemarakkan budaya niaga dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Pelbagai modul yang praktikal telah digubal di peringkat pengajian tinggi bagi menarik minat dan memupuk kecenderungan pelajar untuk minat dalam aktiviti keusahawanan. Pembudayaan keusahawanan di institusi pengajian tinggi akan memberikan pengalaman kepada yang terlibat untuk mengasah dan memperkembangkan kemahiran dalam aktiviti perniagaan yang berjaya.

Khidmat komuniti ialah aktiviti yang dilakukan secara berkumpulan yang melibatkan masyarakat setempat. Khidmat komuniti perlu di semai dan dibentuk dalam kalangan pelajar agar mereka peka dengan keperluan masyarakat setempat. Pelajar yang terdedah dengan khidmat komuniti akan menjadikan mereka lebih peka dan bertanggungjawab kepada masyarakat setempat. Pelajar yang terlibat secara tidak langsung akan mempunyai keyakinan diri yang tinggi untuk berhadapan dengan masyarakat.

Kepimpinan ialah salah satu kemahiran yang boleh memandu diri sendiri dan masyarakat sekitar dalam membuat sesuatu keputusan. Kepimpinan boleh dibentuk dalam setiap diri individu dengan mendedahkan mereka kepada pelbagai aktiviti yang berkaitan. Bagi meningkatkan kemahiran kepimpinan, pelajar boleh melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan di institusi pengajian itu sendiri seperti melibatkan diri dengan organisasi yang khusus dalam membina elemen kepimpinan. Di samping itu, kepimpinan juga boleh diterapkan dengan melibatkan diri dalam aktiviti sukan, persatuan pelajar, kelab dan sebagainya. Kesemua teras yang disebutkan akan menjadi kayu ukur dalam mengukur tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum.

Pembangunan sahsiah pelajar di institusi pengajian tinggi dapat dilaksanakan melalui kokurikulum berdasarkan lapan domain yang ditetapkan oleh Kerangka Kelayakan Malaysia (Jamaludin *et al.*, 2009) iaitu pengetahuan, kemahiran praktikal, kemahiran sosial dan tanggungjawab, nilai, sikap dan profesional, komunikasi, kepemimpinan dan kerja berpasukan, penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik, pengurusan maklumat dan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat serta pentadbiran dan kemahiran keusahawanan. Adunan antara pengetahuan dan pengalaman bakal melahirkan pelajar yang tinggi pengetahuannya, berdaya saing serta berinovatif dalam setiap tindakan yang diambil.

Selain daripada penguasaan ilmu pengetahuan, penguasaan elemen kemahiran juga penting untuk dikuasai dan dihayati oleh pelajar kerana tuntutan masa kini di mana kebanyakan majikan amat menekankan kemahiran yang boleh dipindahkan dan kemahiran subjek (Cox dan King, 2006) yang ada di dalam diri pelajar sebagai nilai tambah. Kemahiran yang boleh dipindahkan ialah kemahiran-kemahiran yang boleh digunakan sepanjang seseorang itu bekerja manakala

kemahiran subjek adalah kemahiran menguasai ilmu pengkhususan yang dipelajari mengikut bidang masing-masing.

Pendidikan yang merangkumi penguasaan ilmu praktikal penting selain daripada penguasaan dalam bidang ilmu pengetahuan. Latihan praktikal membekalkan kemahiran kepada pelajar. Hal ini kerana ilmu kemahiran telah diterapkan dalam proses pembelajaran dan ia mampu menjadi bekalan untuk meningkatkan daya saing di pasaran pekerjaan. Ini adalah sejajar dengan harapan negara yang berusaha untuk mencorakkan diri pelajar dan membangunkan modal insan secara bersepadu dengan mengambil kira kemakmuran negara dan pasaran kerja (Kementerian Pengajian Tinggi, 2006). RMK 11 (2016 – 2020) meletakkan pembangunan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi adalah penting bagi mentransformasikan ekonomi negara ke arah negara yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Definisi kesedaran sendiri dan sahsiah pelajar

Kendiri bermaksud saya atau aku dalam menguruskan kehidupan. Konsep sendiri ini tidak bersifat kekal. Konsep sendiri boleh berubah mengikut keadaan dan persekitaran. Terdapat tiga unsur sendiri iaitu diri dari kaca mata sendiri, diri yang diharapkan untuk dilihat oleh orang lain dan diri yang unggul (Muhd Mansur, 1986). Konsep sendiri boleh didefinisikan sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri dan bagaimana ia menganggap tentang dirinya sendiri sama ada positif atau negatif. Ia berkait rapat dengan perasaan kita terhadap kebolehan kita, perkara yang berlaku pada diri kita dan perkara yang akan berlaku pada diri kita. Konsep sendiri meliputi aspek jasmani dan psikologi. Ia berkaitan dengan pembelajaran yang dialami sejak kecil lagi (Jamaludin Ramli, 2010).

Konsep sendiri terbahagi kepada dua iaitu sendiri positif dan sendiri negatif. Kendiri positif ini ialah seperti seorang yang berfikiran terbuka, tenang, ceria, emosi yang stabil, mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran dan banyak lagi. Mereka yang mempunyai konsep sendiri yang positif sentiasa menerima perhatian yang baik daripada ibu bapa, guru-guru atau orang sekeliling mereka. Individu ini akan sentiasa mengalami kejayaan berbanding kegagalan (Jamaludin Ramli, 2010). Kendiri negatif pula ialah seperti mudah tertekan, tidak ceria, murung, tidak sukakan cabaran, mudah tersinggung, pasif dan banyak lagi. Individu seperti ini sering dimarahi ataupun dikritik sama ada ibu bapa, guru-guru, rakan-rakan atau orang sekeliling mereka. Mereka juga kurang mendapat kasih sayang dan perhatian. Akibatnya, individu tersebut akan mempunyai aras keyakinan yang rendah, pasif dan tidak mudah bersosialisasi dengan persekitarannya (Jamaludin Ramli, 2010). Berdasarkan kepada huraian tersebut, konsep sendiri ini berkait rapat dengan konsep kesedaran sendiri.

Kesedaran sendiri menurut Lawrence (2003) ialah kategori diri dan kewujudan diri. Kesedaran sendiri yang bersifat negatif akan menjadi faktor penghalang kepada pelajar untuk mencapai sesuatu matlamat yang telah disasarkan dan cenderung bertindakbalas dengan tingkah laku yang bersifat negatif. Kesedaran sendiri yang bersifat positif pula akan mempengaruhi emosi, pemikiran dan tingkah laku pelajar yang akhirnya akan memandu mereka ke arah peningkatan kepada keyakinan diri yang tinggi, bertanggungjawab dan bertindak secara positif sehingga mereka mencapai kejayaan. Pelajar yang tidak mempunyai identiti yang sihat akan berpotensi bertemu dengan rakan sebaya yang bermasalah dan seterusnya terlibat dengan masalah gejala sosial (Oya Yerin Guneri, 2006).

Kesedaran sendiri secara umumnya adalah kemampuan diri untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan, personaliti diri. Bukan sahaja mampu untuk mengetahui mengenai diri bahkan boleh mengetahui dan menguasai tindakan diri terhadap orang sekitar. Kesedaran sendiri dalam kajian ini akan dibincangkan dari aspek kecerdasan emosi, nilai-nilai peribadi dan gaya kognitif.

Sahsiah pelajar

Sahsiah menurut Hassan (1983) ialah susunan tertentu yang terdiri dari kebiasaan-kebiasaan. Susunan itulah yang menentukan tingkah laku seseorang dan membezakan sahsiahnya dari orang lain. Definisi ini menunjukkan sahsiah adalah satu keperibadian yang boleh dibentuk secara sistematik. Istilah membentuk sahsiah dalam kajian ini berdasarkan kepada kamus Dewan Edisi Keempat (2007) iaitu membaiki kelakuan orang; mendidik dan mengajar orang. Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1994), pembinaan sahsiah terdiri daripada empat unsur utama iaitu akidah, ibadah, akhlak dan penampilan.

Menurut Habibah dan Noran Fauziah (2006), sahsiah atau personaliti dikenali sebagai akhlak di mana secara mudahnya sahsiah atau akhlak boleh dibahagikan kepada dua iaitu akhlak yang terpuji atau akhlak yang tercela. Sesungguhnya Allah swt amat menyukai akhlak yang baik sebagaimana dalam hadis Rasul saw (Al-Tabrani, 1995) yang bermaksud: *Daripada Sahl b Saad r.a Nabi saw bersabda: ;Sesungguhnya Allah SWT adalah mulia dan Ia menyukai kemuliaan. Ia juga menyukai akhlak yang tinggi dan membenci akhlak yang rendah.*" (Riwayat al-Hakim al-Tabrani)

Kamarul Azmi (2001) menyatakan Imam Nawawi pernah berkata pembangunan sahsiah terdiri dari lapan aspek utama iaitu pembangunan akhlak kepada Tuhan, akhlak sesama insan, sosial, adab kehidupan, ibadat, jihad, ilmu pengetahuan dan batasan agama. Sahsiah yang dikaji dalam konteks kajian ini ialah sahsiah yang baik yang bertujuan untuk mengukur pelajar dari aspek berfikiran positif, cekap peribadi dan cergas fizikal.

Kerangka Teori

Kajian ini menggunakan empat teori iaitu Teori Kesedaran Kendiri, Teori Kognitif Sosial Bandura, Teori Goleman dan Teori Astin. Teori Kesedaran sendiri mengatakan kesedaran sendiri adalah mekanisma utama dalam mengawal diri (Duval dan Wicklund's, 1972). Duval dan Silvia (2001) menyatakan penyelidikan yang telah dijalankan bermula pada tahun 1970 didapati menyokong sepenuhnya teori yang telah dihasilkan ini. Teori Kognitif Sosial Bandura (1997) menekankan tingkah laku seseorang boleh diduga dan difahami. Seseorang akan menterjemahkan tindakannya berdasarkan infomasi, kefahaman dan kepercayaan dalam diri mereka. Albert Bandura telah menamakan Teori Pembelajaran Sosial sebagai Teori Kognitif Sosial kerana teori ini menekankan aspek kognitif dalam perkembangan personaliti (Bandura, 2001). Pada asalnya, teori ini diambil dan diadaptasi daripada Teori Pembelajaran Sosial yang menekankan aspek hubungan antara manusia dan persekitaran sahaja yang akhirnya ditambah baik dengan elemen pemikiran. Teori Goleman (1998) pula menyatakan kompetensi terbahagi kepada dua iaitu; kompetensi peribadi dan kompetensi sosial. Kajian ini menekankan kepada kompetensi peribadi. Manakala Teori Penglibatan Astin (1984) digunakan dalam kajian ini kerana melibatkan aspek penglibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum dimana melibatkan aspek psikomotor.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan Model Persamaan Struktural atau Structural Equation Modeling (SEM). Kaedah SEM digunakan kerana kaedah ini boleh menguji dan menyelidik hubungan sebab-akibat antara kumpulan variabel. Selain itu, kaedah ini juga boleh mengkaji peranan mediator dalam kajian. SEM boleh dianalisis dengan menggunakan perisian komputer AMOS.

Analisis Kajian

Terdapat dua dapatan kajian yang akan dibincangkan di dalam artikel ini iaitu berkaitan dengan hubungan antara kesedaran sendiri dan sahsiah pelajar serta kokurikulum bersifat mediator antara kesedaran sendiri dan sahsiah pelajar iaitu:

Hubungan Antara Kesedaran Kendiri Dan Sahsiah Pelajar (Perbincangan)

Jadual 4.23 bagi ujian pekali regresi menunjukkan nisbah kritikal (CR) sumbangan bagi kesedaran sendiri kepada berfikiran positif, cekap peribadi dan cergas fizikal melebihi nilai 1.96 yang bermaksud sumbangan tersebut adalah signifikan. Sekiranya nilai CR melebihi 1.96 dan nilai signifikan (p) lebih kecil atau sama dengan 0.05 menunjukkan bahawa pembolehubah bebas menyumbang secara signifikan terhadap pembolehubah bersandar.

Bagi ujian hipotesis konstruk Kesedaran Kendiri dengan Berfikiran positif Ha2: Terdapat hubungan yang signifikan antara Kesedaran Kendiri dan berfikiran positif dengan kebarangkalian Critical Ratio sebesar 11.43 pada nilai signifikan 0.05 ($t > 1.96$) menjadikan hipotesis ini diterima. Bagi ujian hipotesis konstruk Kesedaran Kendiri dan cekap Peribadi Ha3: Terdapat hubungan yang signifikan antara Kesedaran Kendiri dan Cekap Peribadi dengan kebarangkalian Critical Ratio sebesar 11.10 pada nilai signifikan 0.05 ($t > 1.96$) menjadikan hipotesis ini diterima. Bagi ujian hipotesis konstruk Kesedaran Kendiri dan Cergas Fizikal Ha4: Terdapat hubungan yang signifikan antara Kesedaran Kendiri dan Cergas Fizikal dengan kebarangkalian Critical Ratio sebesar 9.44 pada nilai signifikan 0.05 ($t > 1.96$) menjadikan hipotesis ini diterima.

Dapatan ini menyokong teori yang menyatakan terdapatnya hubungan yang signifikan antara konstruk kesedaran sendiri dengan berfikiran positif, cekap peribadi dan cergas fizikal.

Jadual 4.23: Ujian pekali regresi

			Estimate	S.E.	C.R.	P	Label
BP	<-->	KK	.164	.014	11.433	***	Signifikan
CP	<-->	KK	.148	.013	11.095	***	Signifikan
CF	<-->	KK	.106	.011	9.443	***	Signifikan

Jadual 4.24 : Rumusan ujian Hipotesis

Hipotesis	Pernyataan Hipotesis	Keputusan
Ha 2	Terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran sendiri dengan berfikiran positif	Signifikan
Ha 3	Terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran sendiri dengan cekap peribadi	Signifikan

Perbincangan

Pelajar yang mempunyai kesedaran sendiri yang tinggi cenderung untuk mempunyai kecekapan peribadi yang tinggi. Pelajar ini juga bijak dalam mengurus masa dan mematuhi perancangan yang dilakukan (Crebert, 2004).

Kecerdasan emosi yang baik menjadikan pelajar lebih mementingkan imej dan keperibadian yang tinggi pada setiap masa. Sikap tidak mudah putus asa dalam kalangan pelajar menjadikan mereka sentiasa sabar dalam melaksanakan tanggungjawab secara fokus dan berdisiplin dan akhirnya akan membangun serta membentuk keupayaan sahsiah mereka secara holistik. Hasilnya, pelajar yang beretika dan mempunyai jatidiri yang tinggi akan terhasil (Dora *et al.*, 2008)

Nilai peribadi yang tinggi menjadikan mereka mudah disegani dan mudah didekati oleh orang lain. Gaya berfikir yang positif dapat dilihat dari nilai kreativiti dalam menilai sesuatu perkara, dan dapat menyelesaikan masalah menggunakan perspektif yang pelbagai (Weisinger, 1998) kerana seseorang pelajar tidak menghadkan dirinya dari meneroka kekuatan dan kelemahan diri. Oleh yang demikian, kesedaran sendiri yang baik dalam kalangan pelajar akan melahirkan pelajar yang mempunyai kecekapan peribadi yang tinggi.

Kokurikulum Bersifat Mediator Antara Kesedaran Kendiri Dan Sahsiah Pelajar

Analisis mediator dijalankan untuk meneliti kekuatan antara hubungan pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar melalui mediator. Kaedah *fully mediated* dan *partial mediated* digunakan untuk menguji kesan mediator terhadap hubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar

Rajah 4.15 menunjukkan structural equation modeling (SEM) bagi kajian ini. Nilai kesesuaian indeks bagi model *structural* ini adalah baik dan mencapai tahap yang dikehendaki iaitu dengan bacaan *chi-square* = 3088.494, *DF* = 768. *Comparative fit index* (CFI) = 0.81. Knight *et al.*, (1994) mencadangkan nilai CFI yang diterima ialah melebihi 0.90. Namun begitu, menurut mereka, nilai CFI antara 0.80 hingga 0.89 masih dalam margin yang boleh diterima. *Cmin/df* = 3.02 dan *The Root Mean Square Error of Approximation* (RMSEA) pula ialah 0.06. Secara keseluruhannya, nilai kesesuaian indeks bagi model ini adalah sepadan dengan data kajian.

Bagi kaedah *fully mediated*, model tanpa mediator dianalisis terlebih dahulu kemudian diikuti dengan model yang mempunyai mediator. Jika nilai *khi kuasa dua* (X^2) bagi model yang mempunyai mediator lebih kecil, itu menunjukkan pembolehubah mediator mempengaruhi hubungan antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar (Marsh *et al.*, 1988 dan Browne dan Cudek, 1993).

Bagi kaedah *partial-mediated*, nilai *indirect effect* dibandingkan dengan nilai *total effect*. Jika nilai *indirect effect* lebih kecil atau sama dengan nilai *total effect*, itu bermakna mediator mempengaruhi hubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar (Shrout dan Bolger, 2002 dan Mckinnon *et al.*, 1995).

Jadual 4.25 menunjukkan nilai bagi *total effect*, *direct effect* dan *indirect effect* bagi mengukur bentuk mediator di dalam kajian ini. Nilai *total effect* ialah 1.55 manakala nilai *indirect effect*

pula ialah 0.19. Oleh kerana nilai *indirect effect* lebih kecil berbanding dengan nilai *total effect* maka, ini bermakna mediator mempengaruhi hubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar (Shrout dan Bolger, 2002 dan Mckinnon et al, 1995). Justeru, kokurikulum berperanan sebagai mediator di dalam kajian ini sekaligus menyokong hipotesis kajian

Jadual 4.25 : Nilai Total effect, Direct effect dan Indirect effect

	Total effect					Direct effect					Indirect effect				
	KK	KOKO	CP	BP	CF	KK	KOKO	CP	BP	CF	KK	KOKO	CP	BP	CF
KOKO	1	0	0	0	0	0.73	0	0	0	0	0	0	0	0	0
CP	2	1	0	0	0	0.44	0.60	0	0	0	0.44	0	0	0	0
BP	2 ^{1.5}	0.52	0	0	0	0.55	0.39	0	0	0	0.28	0	0	0	0
CF	5 ^{1.5}	0.77	0	0	0	0.35	0.48	0	0	0	0.19	0.109	0	0	0

Kesimpulan

Pelajar yang mempunyai kesedaran sendiri yang tinggi cenderung untuk mempunyai kecekapan peribadi yang tinggi. Pelajar ini juga bijak dalam mengurus masa dan mematuhi perancangan yang dilakukan (Crebert, 2004). Nilai peribadi yang tinggi menjadikan mereka mudah disegani dan mudah didekati oleh orang lain. Gaya berfikir yang positif dapat dilihat dari nilai kreativiti dalam menilai sesuatu perkara, dan dapat menyelesaikan masalah menggunakan perspektif yang pelbagai (Weisinger, 1998) kerana seseorang pelajar tidak menghadkan dirinya dari meneroka kekuatan dan kelemahan diri. Oleh yang demikian, kesedaran sendiri yang baik dalam kalangan pelajar akan melahirkan pelajar yang mempunyai kecekapan peribadi yang tinggi. Pelajar yang mempunyai kesedaran sendiri yang tinggi didapati cenderung untuk mempunyai kecergasan fizikal yang tinggi dan berupaya untuk mengawal diri dari terjebak dengan perangai yang buruk (Farris,2002). Kecerdasan emosi yang baik menjadikan pelajar sentiasa menitikberatkan imej dan penampilan yang baik dari aspek cara berpakaian, kebersihan diri dan keutamaan terhadap kehidupan dalam persekitaran yang sihat

Hasil dapatan ini menyokong Teori Penglibatan Astin (1999) yang menyatakan bahawa penglibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum akan memberikan pengalaman dan berpotensi untuk menjadi seorang pelajar yang cemerlang bukan sahaja dari sudut sahsiah tetapi juga pembelajarannya. Ia juga bertepatan dengan pernyataan Chambers dan Schreiber (2004) bahawa aktiviti kokurikulum memainkan peranan penting dalam kecemerlangan pendidikan pelajar yang mana; aspek kokurikulum dalam membentuk sahsiah kepada pelajar sama ada dari sudut kognitif, afektif dan psikomotor.

Rujukan

- Abdulah Nasih Ulwan. 2015. Tarbiyatul Aulad fil Islam.: Mencorak peribadi awal *anak*. Batu Caves: PTS Publication
- Astin, A. W. 1984. Student involvement: A developmental theory for higher education. *Journal of College Student Personnel* , 25 , 297-308.
- Astin, A. W. 1999. Student involvement: A developmental theory for higher education. *Journal of College Student Development*, 40(5), 518-529.
- Al-Tabrani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad (1995), *al-Mu`jam al-Awsat*, Jil. 4, `Iwadullah,Tariq bin (tahqiq), Kaherah: Dar al-Haramayn.

- Al-Tabrani, Sulayman bin Ahmad bin Ayyub (t.t.), *al-Mu`jam al-Kabir, Jil.12*, al-Salafi, Hamdibin 'Abd al-Majid (tahqiq), Madinah: Maktabah al-`Ulum wa al-Hikam, h. 90.
- Brown, M.W., Cudek, R 1993. Alternative ways of assessing model fit: Bollen, K. Long., J.S. (eds), *testing structural equation models*. Sage, newbury Park, CA, page 136-162.
- Bandura, A. 1997. *Social Learning Theory*. New York. General Learning Press.
- Bandura, A. 2001. Social cognitive theory: An agentic perspective. *Annual Review of Psychology*, 52,1-26. In html form from Annual Review Psychology (must be accessed from edu domain).
- Chin Pek Lian, Low Li Chuen & Vivian Low Yen Yeong. 2005. *Masalah Disiplin Pelajar, Pendekatan dan Penyelesaian*. Skudai: Penerbit UTM
- Crebert, G. 2004. *The development of employability skills in Novice workers*. Adelaide: NCVET Ltd.
- Dora, M.T., Kudus, N., Hasan, M.A., Ali, R. 2008. *Kemahiran Insaniah: 7 kompetensi unggul mahasiswa*. Universiti Teknikal Malaysia Melaka: Penerbit Universiti UTEM.
- Duval, T. S., & Wicklund, R. A. 1972. *A theory of objective self-awareness*. New York: Academic Press.
- Farris, D. 2002. Time management. An Exercise in self awareness. *Rural telecommunication*, 21.
- Goleman.D. 1998. *Working with Emotional Intelligence*. New York. Bantam Books.
- Habibah Elias, Noran Fauziah Yaakub. 2006. *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dawama Sdn. Bhd.
- Jamaludin Haji Badusah, Rosna Awang Hashim, Mohd Majid Konting, Turiman Suandi, Maria Salih & Norhafezah Yusof. 2009. *Pembangunan Pelajar : Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Jamaludin Ramli. 2010. *Pengertian Konsep Kendiri*. Shah Alam: Penerbit Universiti Teknologi MARA.
- Hasan Langgulung (1983). *Teori-Teori Kesihatan Mental: Perbandingan Psikologi Moden Dan Pendekatan Pakar-Pakar Pendidikan Islam*. Bangi: UKM.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2007. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Marsh, H., Balla, J., McDonald, R. 1988. Goodnes of fit indexes in confirmatory factor analysis: The effect of sample size. *Psychological Bulletin*, 103, 391-410
- MacKinnon, D.P, Warsi, G, Dwyer, J.H. 1995. A Simulaton study of mediated effect measures. *Multivariate Behavioral Research*, 30, 41-62.
- Mahoney, R.W, Larson, R.W., Eccles, J.S & Lord, H. 2005. *Organized activities as contexts of development: extracurricular activities, after school and community programs*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Mohd Saofiean Bachok, Hazrul Izuan Shahiri & Azim Md Kasim. 2013. Kesan Penglibatan Pelajar Yang Aktif Dalam Kokurikulum Terhadap Pendapatan. *Prosiding PERKEM VIII*, Jilid 1, 316-325.
- Oya Yerin Guneri. 2006. Counseling services in Turkish University. *International Journal of Mental Health* 35 (1): 26-38
- Shrout, P.E. & Bolger, N. 2002. Mediation in experimental and non experimental studies: New procedure and recommendation. *Psychological Methods* 7, 422-445
- Weisinger, H. 1998. *Intelligence at work*. San Francisco, CA: Jossey BassWright, B. D. & Masters, G.N. 1982. *Rating scale analysis*. Chicago: MESA Press.